



## PENYATA

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN,  
KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN  
(SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND  
TRANSPARENCY-SELCAT)  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG  
"PERBELANJAAN BAJET 2013 BAGI PENGURUSAN TEBATAN BANJIR OLEH  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) NEGERI SELANGOR".



PEJABAT DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN  
Tingkat 1, Bangunan Annex,  
Bangunan Dewan Negeri Selangor,  
40680 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

Telefon : 03-55447615, 55447616, 55447617, 55447618, 55447422





PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN,  
KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN  
(SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND  
TRANSPARENCY-SELCAT)  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG  
“PERBELANJAAN BAJET 2013 BAGI PENGURUSAN TEBATAN BANJIR OLEH  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) NEGERI SELANGOR”

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY-SELCAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG "PERBELANJAAN BAJET 2013 BAGI PENGURUSAN TEBATAN BANJIR OLEH JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) NEGERI SELANGOR".**

**1. MUKADIMAH**

1.1.SELCAT telah mengadakan pendengaran awam pada 20 Februari 2014 (Khamis) bagi menyiasat kejadian banjir di kawasan Dewan Negeri Sri Muda. Siasatan ini dibuat berikutan aduan bertulis Y.B. Shuhaimi bin Haji Shafiei mengenai banjir teruk yang telah berlaku di Kg Johan Setia, Kg. Bukit Naga, Bukit Kemuning, Taman Sri Muda dan Kg Baru Hicom kawasan Dewan Negeri Sri Muda yang berulang kali selama 15 tahun dan ketiadaan tindakan yang efektif oleh JPS untuk menyelesaikan masalah tersebut.

1.2.Ahli Jawatankuasa bersetuju untuk meneliti isu ini kerana masalah banjir masih tidak selesai dan apabila diteliti, peruntukan yang diberikan Kerajaan Negeri untuk melakukan kerja-kerja pencegahan dan penyelenggaraan banjir tidak dibelanjakan.

**2. SAKSI-SAKSI**

2.1.Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi  
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, Insfrastruktur dan Kemudahan Awam;

2.2.Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud  
Ahli Parlimen Kota Raja;

2.3.Y.B. Tuan Shuhaimi bin Haji Shafiei  
Ahli Dewan Negeri Sri Muda;

2.4.Tuan Hj. Ab. Qahar Bin Osman  
Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor;

2.5.Tuan Hj. Safii bin Ramli  
Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Klang;

2.6.Tuan Ir. Haji Mohd Fuad Bin Haji Buang  
Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Gombak; dan

Penyata ini telah disediakan oleh Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, Pengerusi Jawatankuasa SELCAT, telah dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa SELCAT di mesyuarat Jawatankuasa pada 20 Mac 2014.

Disahkan oleh :



Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency-SELCAT)

8.4. Kerajaan Negeri harus menyemak semula mekanisme pelaksanaan dan keberkesanan projek-projek penyelesaian masalah banjir supaya tiada perbelanjaan mendadak di pengakhiran tahun.

8.5. Menyusun semula tugasan kakitangan JPS seramai 820 staf dengan melantik lebih banyak jurutera dan memastikan bahawa tugas-tugas utama dapat dilakukan secara 'in-house' dan juga mengenalpasti sebab-sebab keengganan JPA untuk melantik lebih ramai pegawai professional di dalam JPS.

8.6. Penindanan bajet dan peruntukan harus dikawal. Amalan pemindahan peruntukan ('Virement') dari satu projek ke projek yang lain juga harus dibawa ke MMKN untuk kelulusan.

8.7. Aktiviti penguatkuasaan harus dipertingkatkan oleh semua agensi kerajaan termasuk PBT, JPS, LUAS, JKR, Pejabat Daerah dan lain-lain untuk memastikan pembuangan sampah dihentikan atau aktiviti haram yang boleh menyebabkan banjir, pencemaran dan hakisan sungai tidak berlaku.

8.8. Membuat senarai Inventori sungai-sungai dalam bentuk papan tanda untuk bidangkuasa setiap jabatan-jabatan dan badan-badan kerajaan sebagai rujukan tatkala berlakunya banjir 'onsite' di setiap kawasan 'hotspot' banjir supaya orang awam mengetahui siapa yang sepatutnya dihubungi.

2.7. Tuan Roslan bin Shamsuddin,  
Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Hulu Langat;

### 3. LATAR BELAKANG

3.1. Menurut surat aduan yang dikemukakan Y.B. Tuan Shuhaimi bin Shafiei, kelewatan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam melaksanakan projek-projek di bawah peruntukan tahun 2013 adalah punca kepada masalah banjir yang masih berlaku di kawasan tertentu seperti di Kawasan Dewan Negeri Sri Muda;

3.2. Y.B. Shuhaimi telah menimbulkan isu ini di Dewan Negeri berulang-kali dan juga telah membuat cubaan untuk bertemu dengan agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan berkaitan tetapi tiada perjumpaan mahupun mesyuarat penyelesaian dapat diadakan.

3.3. Hanya satu mesyuarat diadakan oleh Majlis Perbandaran Klang sejak 6 tahun lepas.

### 4. ADUAN

4.1. Masalah dihadapi Ahli Dewan Negeri Sri Muda Y.B. Tuan Shuhaimi bin Haji Shafiei

4.1.1. Y.B. Tuan Shuhaimi menyatakan bahawa banjir berlaku sejak 15 tahun dahulu tetapi semakin teruk kebelakangan ini. Keseluruhan kawasan Dewan Negeri Sri Muda adalah kawasan rendah, jadi pam air telah dibina supaya air dimasukkan ke dalam kolam tadahan, di mana ada 4 pam yang mengepam air keluar kepada Sg Klang. Keadaan semakin teruk akibat pembangunan di sekeliling Bandar Puteri dan Bandar Bukit Tinggi.

4.1.2. Kampung Johan Setia di Klang selalu banjir kerana tiada peruntukan untuk penyelenggaraan longkang monsoon di kawasan tersebut. Y.B. Tuan Shuhaimi terpaksa menggunakan peruntukan DUN sendiri sebanyak RM45,000.00 untuk membersihkan longkang dan melaksanakan program gotong-royong.

4.1.3. Isu ini telah ditimbulkan di Dewan Negeri Selangor dan Parlimen tetapi Y.B. Tuan Shuhaimi hanya diberitahu bahawa aduan beliau diambilkira dan akan dikaji semula tetapi sehingga kini tiada tindakan telah diambil.

4.1.4. Y.B. Tuan Shuhaimi juga mengalami kesukaran untuk berjumpa dengan Menteri Besar dan EXCO dewan sidang yang lepas untuk bersama-sama menyelesaikan masalah banjir.

4.1.5. Akibat masalah banjir yang berpanjangan, penduduk-penduduk di kawasan DUN Sri Muda menjadi berang dan tidak puas hati terhadap Y.B. Tuan Shuhaimi kerana dianggap tidak menjalankan tugas dan tanggungjawabnya untuk menyelesaikan masalah banjir.

#### 4.2. Masalah dihadapi Ahli Parlimen YB Puan Dr. Siti Mariah

4.2.1. Isu ini telah juga ditimbulkan di Parlimen tetapi tiada tindakan dilakukan dan beliau hanya mengingatkan satu mesyuarat Majlis Perbandaran Klang telah diadakan mengenai masalah banjir ini.

### 5. PENERANGAN JPS

5.1. Keseluruhan tenaga kerja JPS adalah 820 orang termasuk pekerja rendah awam. Terdapat 10 jurutera daerah. Daerah Hulu Selangor tidak mempunyai jurutera. Setiap daerah lain dijaga oleh seorang jurutera dan pembantu teknik. Daerah Hulu Selangor hanya mempunyai seorang Pegawai Penjaga yang dibantu Pembantu Tadbir Kanan.

5.2. Di Selangor tiada STANDCO untuk pengurusan dan pencegahan banjir. Yang ada hanyalah mesyuarat pembangunan yang dihadiri semua jurutera daerah sekiranya perlu. Mesyuarat berkala hanya dilakukan sekali setahun dan pada tahun 2013 ianya dilakukan dengan EXCO sekali sahaja. Lazimnya, mesyuarat tidak rasmi diadakan hanya apabila terdapat Projek-Projek JPS yang harus dilakukan.

#### 5.3. Masalah Kelewatan Pemulaan Kerja-Kerja

5.3.1. Penentuan dan pengenalan 'hot spot' banjir didapati daripada bahagian hidrologi, aduan daripada orang awam, atau daripada aduan YB Ahli Dewan Negeri yang dikumpulkan dan 'hot spot' banjir yang terdapat di seluruh Negeri Selangor dibawa kepada perhatian JPS. Mahupun begitu, tidak semua masalah pencegahan banjir dijaga di bawah JPS kerana banyak agensi Jabatan lain yang terlibat.

5.3.2. Proses untuk sebarang kerja-kerja oleh JPS bermula dengan siasatan awal, kemudian proses merancang (rekabentuk yang mengambil masa sekurang-kurangnya 6-8 bulan), kemudian mengumpulkan dokumen-dokumen tender, kemudian proses permulaan projek, proses

7.4. Ketidakeimbangan pekerja atau staf di JPS, di mana terdapat 820 pekerja atau staf, tetapi hanya 10 jurutera, dan kesemua kerja-kerja yang dilakukan pada setiap tahap di 'outsourced' kepada kontraktor luar.

7.5. Tiada satu badan yang mengambil inisiatif untuk memanggil mesyuarat. Kerja-kerja JPS dan agensi-agensi badan kerajaan berkaitan sepatutnya diselaraskan oleh Pegawai Daerah dan dipimpin oleh seorang ahli EXCO.

7.6. Ahli Dewan Negeri Y.B. Tuan Shuhaimi menghadapi kesukaran untuk bertemu dengan EXCO Infrastruktur dan Menteri Besar. Portfolio Infrastruktur telah bertukar tangan dari Y.B. Dato Dr. Hasan Ali, kepada YAB Dato' Menteri Besar dan akhirnya kepada Y.B. Tuan Dr Ahmad Yunus bin Hairi dan masalah ini masih belum selesai. Ini menyebabkan YB Ahli Dewan Negeri meluangkan masa menyelesaikan tugas dan tanggungjawab Eksekutif dalam menangani masalah banjir dan kurang penumpuan dalam kerja Legislatif.

7.7. Kurang perhatian/keutamaan diberikan kepada masalah banjir oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri tidak menunjukkan kesungguhan dalam menyelesaikan banjir melalui peruntukan yang disalurkan kepada JPS setiap tahun. Peruntukan yang diberikan kepada JPS setiap tahun jelas tidak mencukupi untuk mencegah atau menyelesaikan masalah banjir. RM1 billion diperlukan untuk program menaiktaraf, pengurusan dan penyelenggaraan untuk mencegah banjir di Daerah Klang sahaja.

7.8. Terdapat perbelanjaan mendadak di akhir tahun bermula Oktober-Disember untuk menghabiskan peruntukan yang diberi setiap tahun.

### 8. SARANAN JAWATANKUASA

8.1. Mewujudkan portfolio banjir yang dijaga khas oleh seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO).

8.2. Mesyuarat 'standing committee' (STANDCO) diadakan dengan kerap. Kesemua badan-badan kerajaan terlibat dalam pengurusan banjir dan STANDCO hendaklah berjumpa sekurang-kurangnya 4 kali setahun untuk menguruskan dan merancang kebarangkalian dan pengurusan krisis banjir.

8.3. Selepas setiap sidang Dewan, EXCO Infrastruktur dan Kerajaan Negeri harus mengadakan mesyuarat penyelarasan untuk menyelesaikan kes-kes banjir yang telah dibangkitkan semasa persidangan tersebut, dan memantau usaha-usaha penyelesaian banjir dan kerja-kerja kecemasan yang dilakukan secara berkala.

bidangkuasa PBT, banjir di kawasan-kawasan pertanian dijaga oleh Jabatan Pertanian, banjir di jalanraya dan parit tepi jalan adalah di bawah JKR. Mana-mana parit di bawah agensi berkenaan diselenggara oleh mereka termasuk pembentung. Ada juga parit-parit yang tiada sesiapa yang mengaku di bawah bidangkuasa mereka di mana JPS akan memikul tanggungjawab tersebut.

5.6.2. Mahupun begitu, JPS mengatakan bahawa mereka tidak mampu untuk menjaga keseluruhan kawasan. Tindakan bidangkuasa itu ada berlaku tetapi biasanya tidak dapat diselesaikan sesama mereka.

## 6. PENERANGAN EXCO

6.1. Y.B. Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

6.1.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebelum ini tidak pernah membangkitkan atau membincangkan Penyata SELCAT Mengenai Kejadian Banjir di Hulu Langat dan Klang Selatan yang diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor.

6.1.2. Beliau telah mencadangkan supaya mesyuarat STANDCO diadakan selepas setiap sidang Dewan untuk menyelesaikan masalah banjir yang dibangkitkan YB Ahli Dewan Negeri semasa persidangan Dewan Negeri Selangor.

## 7. PENEMUAN JAWATANKUASA

7.1. Mesyuarat STANDCO untuk infrastruktur jarang diadakan. Mesyuarat hanya diadakan sekali setahun.

7.2. Peruntukan untuk mengurus atau menyelenggara ada yang berunsurkan token yang bermaksud tiada sebutbarga atau anggaran kos yang diketahui pada masa Rekod Perbelanjaan ini disediakan dan sepatutnya dikemaskinikan setelah menerima sebutbarga atau tender dan kerja berjalan. Tidak terdapat perancangan yang teratur untuk pencegahan banjir walaupun token sebanyak RM10.00 telah diberikan. Akibatnya ia akan menyebabkan isu banjir dibawa ke masa hadapan. Perancangan sepatutnya dilakukan pada tahun-tahun sebelumnya.

7.3. Sepatutnya penyelenggaraan dilakukan 4 kali setahun, tetapi peruntukan hanya mencukupi untuk kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan sekali setahun.

perjalanan projek, dan akhirnya penyelenggaraan kemudahan yang sudah dibina.

5.3.3. Proses ini memerlukan tender terbuka dan sebutbarga pada setiap tahap, sebab itu projek-projek mengambil masa yang lama untuk bermula, yakni 10 bulan dari tarikh masalah dikenalpasti.

5.3.4. Proses perlantikan kontraktor adalah seperti berikut. Projek bernilai bawah RM500,000.00 akan dilakukan secara lantikan terus. Bagaimanapun, kos membuat survey adalah bawah RM200,000.00. Bergantung kepada panjang parit atau sungai yang hendak dibangunkan, kosnya merangkumi RM100,000.00 sehingga RM400,000.00. Kos untuk survey tidak akan melebihi RM400,000.00 kecuali apabila perunding dilantik.

5.3.5. Untuk kerja-kerja lain JPS harus melakukan sebutbarga, misalnya jika kos projek adalah sekitar RM200,000.00- RM500,000.00 ianya dilakukan secara sebut harga. Garis panduan yang dikeluarkan Kerajaan Pusat untuk tatacara pemilihan kontraktor digunakan oleh kerajaan Negeri.

5.3.6. Banyak projek dimulakan pada bulan Oktober, termasuk kerja-kerja kecemasan yakni September-Disember. Ini adalah kerana kerja-kerja kecil tidak boleh dibayar dalam sistem dan hanya dibayar selepas kerja disiapkan dan direkodkan pada hujung tahun. Apabila ada survey rekabentuk yang dilakukan pada awal tahun, JPS akan memanggil tender pada pertengahan tahun atau hujung tahun.

5.3.7. JPS mengatakan bahawa mereka tidak berkemampuan untuk memulakan kerja lebih awal dan hanya mampu memulakan panggilan tender pada bulan Jun kerana kontrak berpanjangan dari tahun semasa ke tahun yang akan datang. Kadang-kala apabila membuat projek didapati tidak cukup peruntukan, pemindahan peruntukan ('virement') akan dibuat di mana perbelanjaan dibawa dari satu projek ke projek-projek yang lain. Ini adalah isu pengurusan, bukan pembangunan.

5.3.8. Menurut JPS, hanya sesetengah daerah mempunyai Master Plan untuk Projek Tebatan Banjir. Bagaimanapun, Master Plan ini harus dikemaskini setiap 10 tahun kerana kawasan tadahan air telah berubah terutamanya apabila terdapat pembangunan.

5.3.9. Untuk semua projek, tarikh perancangan dari mula memerlukan 10 bulan. Perancangan dilakukan di bulan Januari, permohonan

peruntukan di bulan Oktober, Dewan akan meluluskan perbelanjaan di bulan November, dan kerja bermula hanya 1 tahun kemudian.

5.3.10. Ini merupakan punca projek-projek kerja hanya bermula kebanyakannya di pertengahan atau akhir tahun.

#### 5.4. Masalah Peruntukan

5.4.1. Keseluruhan peruntukan JPS adalah RM47,750,010.00 untuk tahun 2013. Peruntukan tidak sampai RM10 juta disalurkan kepada JPS Selangor oleh Kerajaan Persekutuan. RM10 juta ini untuk projek-projek khas sahaja.

5.4.2. Kerja-kerja pencucian parit dilakukan sekali setahun sahaja dan bukan empat kali setahun oleh JPS kerana tidak cukup peruntukan.

5.4.3. Menurut JPS, Kerajaan Negeri sepatutnya memberikan peruntukan tambahan untuk JPS, tetapi permintaan JPS tidak diluluskan. JPS mengatakan bahawa RM1 billion diperlukan untuk program menaiktaraf, pengurusan dan penyelenggaraan untuk mencegah banjir di Daerah Klang sahaja.

5.4.4. Peruntukan mengurus ini bukan keseluruhannya untuk menguruskan saliran, tetapi termasuk penyelenggaraan culvert, tali air, pintu air dan sebagainya. Pencucian parit hanya mampu dilakukan sekali setahun dengan peruntukan yang sedia ada dan diberikan kecuali Daerah Kuala Selangor & Daerah Sabak Bernam, di mana pencucian saliran dilakukan 4 kali setahun. Parit ini parit besar.

5.4.5. JPS telah meminta peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan ianya tidak diluluskan. Contohnya, JPS telah meminta bajet untuk pengurusan RM50 juta tetapi yang diberikan adalah sekitar RM30 juta sahaja.

5.4.6. Satu lagi contoh di mana JPS tidak mempunyai peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan adalah di mana Sg Damansara ada kolam takungan besar, iaitu Sg Damansara dari Kebun Bunga sampai Kg Melayu Subang, di mana sudah ada paip oleh itu tidak berlakunya limpahan air. Walaubagaimanapun, kawasan tersebut mempunyai rumput yang banyak dan JPS tidak mampu hendak mencantas rumput 4 kali setahun untuk mengelakkan saliran air terhalang oleh rumput yang panjang.

5.4.7. Perkara ini telahpun dibangkitkan oleh JPS kepada Pegawai Kewangan Negeri (PWN) di mana EXCO telah banyak membantu, tetapi PWN tidak meluluskan peruntukan tanpa diberitahu sebabnya kepada JPS.

5.4.8. Menurut JPS, rekod mereka menunjukkan perbelanjaan lebih 90% setiap tahun walaupun perbelanjaan projek-projek dan kerja-kerja yang direkodkan mula lambat.

#### 5.5. Masalah Kakitangan

5.5.1. JPS mengatakan bahawa tidak terdapat tenaga jurutera yang cukup untuk menjalankan kerja-kerja. JPS mempunyai staf seramai 820 orang termasuk jurutera-jurutera setiap daerah dan staf-staf sokongan mereka. Setiap daerah hanya melantik seorang atau dua orang jurutera untuk menjaga pengurusan sungai dan saliran daerah-daerah tersebut. Jurutera-jurutera ini bertanggungjawab untuk menganalisa keperluan dan memilih kontraktor pada setiap tahap pelaksanaan kerja.

5.5.2. Daerah Hulu Langat hanya mempunyai seorang jurutera Gred J44. Daerah Sepang juga seorang jurutera Gred J41 dan didapati cepat memulakan dan menghabiskan kerja. Daerah Sabak Bernam mempunyai seorang jurutera. Daerah Kuala Selangor 2 orang jurutera, Daerah Klang 1 orang jurutera, Daerah Petaling 2 orang jurutera, Daerah Gombak 2 orang jurutera, dan Daerah Kuala Langat mempunyai 1 orang jurutera.

5.5.3. JPS mempunyai rancangan untuk menambahkan jumlah jurutera kontrak (Quantity Surveyor) di masa hadapan. Sebagai perbandingan, Jabatan Kerja Raya mempunyai 3 jurutera untuk setiap daerah.

5.5.4. Mengikut struktur JPS yang lama, kerja-kerja perancangan dilakukan oleh jurutera atau juruukur 'in-house' tetapi penstrukturan semula kini menyebabkan semua kerja-kerja diberikan kepada kontraktor luar. JPS tidak dapat melantik jurutera baru sejak tahun 2005 kerana JPA tidak membenarkan penyusunan semula jabatan.

#### 5.6. Masalah Bidangkuasa

5.6.1. Terdapat kewujudan tindanan kerja JPS dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam pengurusan banjir tetapi ada persefahaman ('understanding'). Banjir di kawasan perumahan biasanya di bawah